

27 SEP 2002

NIK AZIZ PATUT MINTA MAAF, JIKA TIDAK MAHU DIKENAKAN TINDAKAN - RAIS

SIMPANG PERTANG (Jelebu), 27 Sept (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini berkata Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat patut memohon maaf terhadap Perdana Menteri jika tidak mahu dikenakan tindakan undang-undang.

Ini kerana tuduhan Nik Aziz bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca Al-quran mengandungi berita palsu yang boleh didakwa mengikut Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, katanya.

"Tidak semua perkara ini harus diseret ke mahkamah kerana ia berpunca dari ucapan politik, tapi kerajaan terpaksa mengambil tindakan kalau ia terlampau dalam tuduhannya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan tauliah kerja kepada kontraktor kelas F dan pinjaman Yayasan Tekun Nasional (Tekun) bagi kawasan Parlimen Jelebu di sini.

Dr Rais ditanya mengenai tindakan yang patut diambil terhadap pemimpin pembangkang itu kerana mengeluarkan kenyataan berkenaan dalam satu ceramahnya di Bachok, Kelantan. (Nik Aziz bagaimanapun dilaporkan telah mengakui beliau tersalah cakap kerana apa yang dimaksudkannya ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab dan beliau bersedia memohon maaf).

Dr Rais berkata perkara ini boleh dianggap selesai sekiranya Nik Aziz memohon maaf atas hakikat bahawa semua orang ada kelemahan masing-masing.

-- BERNAMA

APG RON